

TINDAKAN SERTA MERTA



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN PERTAMA
PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH, 2011-2015:
PROSPEK EKONOMI DAN HALA TUJU STRATEGIK**

Tujuan

Tujuan Garis Panduan ini ialah untuk:


- (i) memaklumkan rangka kerja ekonomi makro bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015;
- (ii) menggariskan hala tuju strategik RMKe-10 ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020;
- (iii) memaklumkan bidang keberhasilan utama (KRA) serta perancangan dan pelaksanaan RMKe-10 berasaskan pendekatan *outcome*; dan
- (iv) memohon kementerian mengemukakan cadangan KRA, *outcome* dan strategi masing-masing selaras dengan hala tuju strategik, KRA dan *outcome* RMKe-10.

Rangka Kerja Ekonomi Makro RMKe-10

2. Dalam tempoh 2006-2008, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebenar mencatat pertumbuhan purata 5.6% setahun. Mengambil kira prestasi ekonomi yang dijangka menguncup pada tahun 2009 dan berkembang perlahan pada tahun 2010, prestasi KDNK dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dianggar mencatat pertumbuhan sebanyak 2.7% setahun. Pencapaian ini jauh lebih rendah berbanding sasaran purata 6% setahun di bawah RMKe-9. Keluaran Negara Kasar (KNK) per kapita dijangka hanya meningkat kepada RM24,938 iaitu 16% lebih rendah daripada sasaran RM29,711 pada tahun 2010.

3. Dari segi matlamat pembangunan, Wawasan 2020 kekal menjadi hala tuju pembangunan negara. Pertumbuhan KDNK yang perlahan di bawah RMKe-8 dan RMKe-9 telah menyukarkan pencapaian Wawasan 2020. Dengan demikian, dalam tempoh 1991-2010, KDNK dianggar hanya berkembang sebanyak 5.4% setahun. Kesannya, pada tahun 2010 berlakunya jurang sebanyak 26% dalam pencapaian KDNK berbanding dengan sasaran Wawasan 2020, seperti di *Rajah 1*. Dari segi KNK per kapita, jurang adalah sebanyak 52%. Jurang tersebut dijangka lebih melebar pada tahun 2020.

Rajah 1: Prestasi Pertumbuhan KDNK, 1991-2010



4. Sehubungan itu, RMKe-10 merupakan Rancangan yang penting untuk mengembalikan semula ekonomi ke landasan bagi mencapai Wawasan 2020. Bagi merapatkan jurang tersebut, KDNK perlu berkembang tidak kurang daripada 5.4% setahun dalam tempoh sepuluh tahun akan datang. Dalam tempoh RMKe-10, KDNK perlu berkembang sekurang-kurangnya 5.5% setahun, seperti di *Jadual 1*. Dengan itu, KNK per kapita pada harga semasa dijangka meningkat 8.3% setahun dalam tempoh 2011-2020, iaitu mencapai AS\$10,159 (RM35,557) pada tahun 2015 dan terus meningkat kepada AS\$15,341 (RM50,627) pada tahun 2020, iaitu paras minimum bagi negara berpendapatan tinggi.

Jadual 1: Prestasi RMKe-9 dan Sasaran Pertumbuhan RMKe-10

Perkara	RMKe-9			RMKe-10	% kepada KDNK		
	Sasaran ²	Pencapaian 2006-2008	Anggaran 2006-2010	Sasaran ³	2005	2010	2015
KDNK Sebenar (% pertumbuhan setahun)	6.0	5.6	2.7	5.5	-	-	-
KNK Per Kapita¹							
Harga Semasa (RM)	29,711	25,642	24,938	35,557	-	-	-
% pertumbuhan setahun	9.5	10.8	5.8	7.4	-	-	-
ASS	9,285	7,693	6,927	10,159	-	-	-
Pariti Kuasa Beli (ASS)	18,439	15,032	12,771	18,298	-	-	-
Tabungan (% kepada KNK)	37.6	38.1	35.2	28.8	-	-	-
Sudut Permintaan, harga malar 2000							
Penggunaan	7.6	8.3	6.0	6.7	61.1	71.5	76.0
Swasta	8.0	8.5	5.9	7.8	48.1	56.0	62.4
Awam	6.2	7.4	6.5	2.5	13.0	15.6	13.5
Pelaburan	8.6	5.9	2.4	5.1	22.1	21.8	21.4
Swasta	9.8	7.2	-2.4	10.5	11.3	8.7	11.0
Awam	7.0	4.5	6.7	0.7	10.8	13.0	10.3
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	4.8	4.1	-2.2	6.9	123.4	96.5	103.3
Import Barangan dan Perkhidmatan	6.4	5.3	-0.8	8.0	105.9	88.8	100.2
Sudut Penawaran, harga malar 2000							
Pertanian	4.1	3.5	1.6	3.4	8.0	7.5	6.8
Perlombongan dan Kuari	2.1	0.1	-0.6	-0.1	9.5	8.0	6.1
Pembuatan	4.1	3.7	-1.5	5.6	30.7	24.9	25.1
Pembinaan	4.3	2.2	2.2	3.4	3.3	3.2	2.9
Perkhidmatan	8.2	8.1	5.8	6.2	51.2	59.3	61.2
Imbangan Pembayaran							
Akaun Semasa (% kepada KNK) ¹	11.4	18.2	10.7	8.1	15.8	10.7	8.1

Nota : ¹ Pada akhir tempoh ² Sasaran Kajian Separuh Penggal RMKe-9

³ Anggaran awal, tertakluk kepada semakan semula

5. Bagi mencapai sasaran dalam tempoh RMKe-10, potensi pertumbuhan ekonomi jangka panjang perlu dipertingkatkan. Potensi pertumbuhan ini perlu direalisasikan menerusi peningkatan pelaburan dan produktiviti, kreativiti dan inovasi serta penggunaan tenaga kerja, sumber asli dan kewangan secara optimum.

6. Di samping tahap KDNK dan pendapatan per kapita yang tinggi, ciri-ciri lain juga perlu dicapai untuk menjadi sebuah negara maju. Ini termasuk kemajuan teknologi, produktiviti dan kadar upah yang tinggi; kepelbagaian eksport dengan nilai ditambah yang tinggi; peranan sektor swasta yang utama disokong oleh sektor awam sebagai pemudah cara; pembangunan mampan; integriti dan tahap ketelusan yang tinggi; dan kematangan politik.

Permintaan Agregat

7. Dari sudut permintaan, peranan sektor swasta sebagai penjana pertumbuhan ekonomi perlu dipertingkatkan. Sehubungan ini, *pelaburan swasta* pada harga sebenar perlu berkembang kira-kira 11% setahun dalam tempoh RMKe-10. Bagi mencapai sasaran ini, jumlah pelaburan swasta pada harga semasa yang diperlukan adalah RM434 bilion atau purata RM87 bilion setahun dalam tempoh RMKe-10 berbanding RM338 bilion atau purata RM68 bilion setahun dalam tempoh RMKe-9. Ini merupakan cabaran yang besar dengan mengambil kira sentimen pelaburan yang rendah dalam suasana ekonomi global yang dijangka mengambil masa untuk pulih, dasar *inward looking* dalam kalangan negara maju yang menjejaskan pelaburan langsung asing (FDI) dan persekitaran pelaburan yang semakin kompetitif di peringkat global.

8. Sektor swasta mestilah diperkukuh supaya dapat meningkatkan daya saing dan daya tahan dalam menghadapi gelombang ekonomi, di samping dapat meningkatkan produktiviti dan inovasi. Antara langkah strategik yang perlu bagi meningkatkan pelaburan termasuk menggalakkan persaingan sihat dengan melonggarkan syarat pelaburan supaya lebih kompetitif, mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif, meningkatkan kecekapan sistem penyampaian di semua peringkat pentadbiran dan meningkatkan program penswastaan. Penyertaan sektor swasta dalam pembangunan koridor juga amat penting bagi menggiatkan aktiviti ekonomi terutama dalam sektor berpotensi nilai ditambah yang tinggi serta mempunyai kesan limpahan dan pengganda yang besar. Pada masa yang sama, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perlu juga memainkan peranan sebagai peneraju dalam menggiatkan aktiviti sumber pertumbuhan baru ekonomi dalam negeri.

9. *Penggunaan swasta* pula dijangka berkembang sekitar 8% setahun dalam tempoh RMKe-10. Peratusan penggunaan swasta kepada KDNK meningkat daripada 56% pada tahun 2010 kepada 67% pada tahun 2020. Peratusan tersebut selaras dengan corak penggunaan swasta di negara maju seperti United Kingdom. Walaupun *marginal propensity to consume* rakyat Malaysia meningkat daripada 0.40 pada tahun 1990-an kepada 0.62 dalam tempoh 2001-2008, namun kadar tersebut masih rendah berbanding dengan 0.94 bagi Amerika Syarikat dan 0.73 bagi United Kingdom dalam tempoh yang sama. Antara langkah untuk meningkatkan *marginal propensity to consume* ialah melalui peningkatan pendapatan boleh guna swasta, iaitu menerusi peningkatan produktiviti dan kadar upah. Pada masa yang sama, paras harga perlu kekal stabil supaya kuasa beli rakyat tidak terhakis. Sementara itu, dasar untuk mengurangkan penggunaan tenaga kerja asing berkemahiran rendah hendaklah dikuatkuasakan dengan lebih berkesan agar penggunaan tenaga kerja tempatan dapat dioptimumkan dan mempercepat peralihan ekonomi kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi.

10. Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mengurangkan penglibatan sektor awam dalam ekonomi dan menggiatkan semula penyertaan sektor swasta dalam pembangunan negara, kadar pertumbuhan *pelaburan awam* perlulah dikurangkan kepada 0.7% setahun dalam tempoh RMKe-10. Dengan demikian, pelaburan awam perlulah dikhususkan kepada projek yang tertentu sahaja, seperti pembasmian kemiskinan, pembangunan modal insan, mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah serta menambah baik infrastruktur sosial dan fizikal.

11. *Eksport barangan dan perkhidmatan* disasar berkembang kira-kira 7% setahun dalam tempoh RMKe-10. Bagi mencapainya, industri berorientasikan eksport perlu disokong untuk mengambil peluang jangkauan prestasi ekonomi dunia yang lebih baik, terutamanya di Republik Rakyat China, India dan negara-negara di Asia Barat. Di samping itu, peluang daripada limpahan globalisasi dan pelaksanaan perjanjian perdagangan bebas perlu dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan peratusan eksport Malaysia kepada jumlah eksport dunia. Sehubungan ini, daya saing negara perlu diperkukuh di samping mempelbagai produk dan destinasi eksport. Strategi penggalakan eksport barangan perlu dilaksanakan secara radikal dan agresif bagi memperluas pasaran eksport ke negara rakan dagangan tradisional, bukan tradisional dan ekonomi baru muncul. Strategi baru bagi menggalakkan eksport perkhidmatan juga perlu diperkenal agar dapat terus berkembang pesat dalam bidang perkhidmatan sedia ada dan bidang baru.

12. Dalam tempoh yang sama, *import barangan dan perkhidmatan* dijangka meningkat sebanyak 8% sejajar dengan pertumbuhan ekonomi. Ke arah mengurangkan kandungan import, sektor swasta perlu diberi galakan untuk melabur dalam industri berasaskan pengeluaran barangan pengantara dan modal. Ini akan mengurangkan pergantungan kepada barangan import dan kebocoran kepada ekonomi.

Penawaran

13. *Sektor perkhidmatan* perlu berkembang dengan lebih pesat untuk menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan KDNK dengan sasaran pertumbuhan 6.2% setahun dalam tempoh RMKe-10. Ke arah ini, sektor swasta perlu disokong bagi merebut peluang sejajar dengan liberalisasi sektor perkhidmatan, terutama dalam bidang pertumbuhan baru seperti perbankan Islam, hab Halal, logistik serta perkhidmatan profesional. Sistem kewangan domestik juga perlu terus dibangunkan supaya dapat berintegrasi sepenuhnya dengan sistem kewangan antarabangsa. Di samping itu, strategi untuk memanfaatkan kemunculan kelas menengah dalam kalangan ekonomi baru muncul perlu dibentuk khususnya dalam perkhidmatan pelancongan, kesihatan dan pendidikan tinggi.

14. *Sektor pembuatan* yang merupakan sektor kedua terpenting dari segi sumbangan kepada ekonomi, perlu berkembang 5.6% setahun. Bagi mencapai pertumbuhan ini, subsektor utama pembuatan hendaklah disokong supaya dapat beralih kepada aktiviti nilai ditambah yang tinggi bagi industri berorientasikan eksport dan domestik. Ini termasuklah subsektor elektrik dan elektronik serta industri sokongan dalam kalangan industri kecil dan sederhana supaya dapat mengambil peluang daripada peningkatan permintaan produk elektrik dan elektronik dunia yang dijangka berkembang sebanyak 8.2% setahun daripada AS\$2.5 trilion pada tahun 2010 kepada AS\$3.7 trilion pada tahun 2015. Di samping itu, bidang pertumbuhan baru dalam sektor pembuatan seperti rangkaian sensor tanpa wayar, solar *photovoltaic*, bioteknologi terutama berkaitan penyakit tropika, industri hiliran bagi minyak sawit dan herba, farmaseutikal dan produk yang berasaskan makanan perlu dimajukan lagi. Selain daripada itu, sektor pembuatan juga perlu beranjak daripada aktiviti pengeluaran kepada aktiviti pembekalan penyelesaian pembuatan (*manufacturing solutions*).

15. *Sektor pertanian* disasar berkembang 3.4% setahun dalam tempoh 2011-2015. Usaha dan sokongan perlu digembleng untuk meningkatkan sumbangan subsektor tanaman makanan serta perikanan dan ternakan di samping meningkatkan lagi produktiviti subsektor tanaman industri terutamanya kelapa sawit, getah dan koko. Sehubungan ini, pertanian secara komersil perlu diperluaskan melalui penglibatan aktif sektor swasta. Tumpuan juga perlu diberi kepada pengukuhan dan pengembangan industri asas tani bagi menghasilkan keluaran nilai ditambah yang tinggi. Sektor pembinaan pula dijangka berkembang sederhana pada kadar 3.4% setahun, terutamanya dalam aktiviti pembinaan sektor swasta bagi perumahan dan harta tanah komersil serta pembangunan infrastruktur di 5 koridor wilayah.

Guna Tenaga

16. Dalam tempoh RMKe-10, tenaga kerja dijangka berkembang sebanyak 1.6% setahun kepada 13.33 juta orang pada tahun 2015 berbanding dengan 12.21 juta orang pada tahun 2010, seperti di **Jadual 2**. Sebanyak 1.16 juta peluang pekerjaan akan diwujudkan dan menyebabkan kadar pengangguran dijangka berkurangan kepada 3.5% pada tahun 2015 berbanding sebanyak 4.1% pada tahun 2010.

17. Dalam tempoh RMKe-10, tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, berinovasi serta kreatif adalah amat penting bagi meningkatkan produktiviti dan kadar upah serta menyumbang kepada nilai ditambah yang tinggi dalam sektor utama ekonomi. Pertambahan kadar upah akan membolehkan kuasa beli pekerja meningkat menghampiri tahap yang dinikmati di negara maju. Sehubungan ini, kualiti pendidikan dan latihan perlu dipertingkatkan bagi menyediakan tenaga kerja yang memenuhi keperluan pasaran. Penggunaan teknologi terkini juga perlu digalakkan sebagai satu cara untuk meningkatkan produktiviti dan nilai ditambah yang tinggi.

Jadual 2: Penduduk, Guna Tenaga dan Kadar Pengangguran

Perkara	2005	Sasaran 2010 ¹	Pencapaian 2008	Unjuran RMKe-10		Kadar Pertumbuhan (%)	
				2010	2015	2006-2010	2011-2015
Penduduk, (Juta)	26.45	28.24	27.88	28.24	29.74	1.3	1.0
Tenaga Kerja, ('000)	11,290.5	12,406.8	11,967.5	12,208.5	13,334.4	2.1	1.6
Guna Tenaga, ('000)	10,892.8	12,022.7	11,576.5	11,703.5	12,866.1	1.4	1.9
Guna Tenaga							
Jumlah '000							
Pertanian	1,401.3	1,375.8	1,390.9	1,391.6	1,387.9	-0.1	-0.1
Perlombongan	42.7	43.7	42.8	42.5	42.3	-0.1	-0.1
Pembinaan	759.6	768.0	758.4	761.3	770.0	0.0	0.2
Pembuatan	3,133.2	3,520.7	3,338.2	3,277.3	3,619.5	0.9	2.0
Perkhidmatan	5,555.9	6,314.5	6,046.1	6,230.8	7,046.3	2.3	2.5
Peratus kepada jumlah, %							
Pertanian	12.9	11.4	12.0	11.9	10.8	-	-
Perlombongan	0.4	0.4	0.4	0.4	0.3	-	-
Pembinaan	7.0	6.4	6.6	6.5	6.0	-	-
Pembuatan	28.8	29.3	28.8	28.0	28.1	-	-
Perkhidmatan	51.0	52.5	52.2	53.2	54.8	-	-
Perkara		KSP RMKe-9 2006-2010	Pencapaian 2008	Anggaran Pencapaian 2006-2010	2011-2015		
Pewujudan Pekerjaan, ('000)		1,129.90	178.5	810.7	1,162.5		
Kadar Pengangguran, (%)²		3.1	3.3	4.1	3.5		

Nota : ¹Sasaran Kajian Separuh Penggal RMKe-9

²Pada akhir tempoh

Peranan Sektor Awam dalam Kegiatan Ekonomi

18. Seiring dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan penglibatan langsung dalam aktiviti ekonomi dan meningkatkan pelaburan swasta, kaedah pembiayaan projek-projek RMKe-10 akan memberi keutamaan kepada penglibatan sektor swasta. Ini bermakna kaedah pembiayaan sesuatu projek pembangunan akan memberi keutamaan kepada kaedah penswastaan dan kaedah inisiatif pembiayaan swasta (PFI). Pembiayaan melalui kaedah perbelanjaan pembangunan akan diperketatkan. Di samping itu, kaedah perkongsian kos di bawah konsep tanggungjawab sosial korporat (CSR) juga akan digalakkan. Meskipun kaedah pelaksanaan dan pembiayaan adalah berbeza, strategi yang akan dikemukakan oleh kementerian hendaklah selaras dengan hala tuju strategik, KRA dan *outcome* RMKe-10 untuk memberi faedah kepada rakyat.

Pakej Transformasi dan Hala Tuju Strategik RMKe-10

19. Pakej transformasi sosioekonomi RMKe-10 yang mengandungi 6 hala tuju strategik dirangka berteraskan Misi Nasional. Hala tuju strategik ini akan memastikan negara kembali kepada trajektori Wawasan 2020 dan menyediakan landasan yang kukuh lagi mampan bagi kesinambungan rancangan pembangunan seterusnya. Hala tuju strategik RMKe-10 adalah seperti berikut:

- (i) mempergiat sektor swasta yang berdaya saing sebagai peneraju pertumbuhan;
- (ii) meningkatkan produktiviti dan inovasi melalui peralihan pantas kepada ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi);
- (iii) menyediakan modal insan yang kreatif, inovatif dan berkemahiran abad ke-21;
- (iv) mengaplikasi pendekatan inklusif bagi menangani jurang pembangunan;
- (v) mempertingkatkan kualiti hidup setaraf dengan negara maju; dan
- (vi) meningkatkan peranan Kerajaan sebagai pemudah cara yang efektif dan berintegriti.

Mempergiat Sektor Swasta yang Berdaya Saing sebagai Peneraju Pertumbuhan

20. Dalam keadaan negara mengalami kekangan fiskal, peranan sektor swasta menjadi lebih penting sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi. Pelaburan domestik dan asing swasta yang tinggi merupakan sumber utama yang menentukan prestasi pertumbuhan dalam tempoh RMKe-10. Penglibatan sektor swasta perlu digembleng sepenuhnya dalam membangunkan sumber pertumbuhan baru negara bagi mencapai penguasaan global dalam industri berpotensi tinggi. Usaha yang lebih agresif perlu dilaksanakan bagi memastikan Malaysia terus menjadi lokasi pilihan utama pelabur domestik dan antarabangsa. Usaha mengintegrasikan ekonomi negara dengan pasaran global melalui perjanjian perdagangan bebas perlu dilaksanakan secara strategik tanpa menjejaskan kepentingan negara. Langkah awal bagi memastikan kesediaan industri domestik untuk bersaing dan strategi meningkatkan penglibatan sektor swasta untuk memanfaatkan pembukaan pasaran yang dimeterai perlu diperincikan.

21. Pendekatan 'sektor swasta diutamakan' perlu menjadi amalan bagi merealisasikan peranan sektor swasta sebagai peneraju kegiatan ekonomi dan sosial. Rangka kerja regulatori dan pembangunan infrastruktur pasaran sihat yang menyokong persaingan yang adil perlu disediakan. Keberkesanan dan keperluan harga kawalan, garis panduan pembekalan serta sistem subsidi tanpa sasar perlu dinilai semula bagi memastikan anjakan kepada sistem pasaran bebas.

22. Penyertaan sektor swasta perlu dipergiatkan melalui pembentukan dasar yang mesra perniagaan serta peranan Kerajaan sebagai pemudah cara yang efektif. Untuk tujuan ini, semakan undang-undang dan peraturan secara komprehensif perlu dilaksanakan bagi mewujudkan rejim perundangan yang mesra pelabur. Di samping itu, penilaian impak ke atas pelaburan perlu dijadikan prasyarat sebelum sesuatu cadangan dasar dan peraturan baru diperkenalkan. Mekanisme 'satu jendela' dan *hand-holding* yang menyediakan sokongan menyeluruh perlu diwujudkan dan diteruskan bagi memudahkan aktiviti pelaburan swasta.

Meningkatkan Produktiviti dan Inovasi Melalui Peralihan Pantas kepada Ekonomi Berasaskan Pengetahuan (k-ekonomi)

23. Negara perlu memberi tumpuan kepada aktiviti nilai ditambah yang tinggi melalui penjanaaan dan aplikasi pengetahuan secara intensif serta penggunaan inovasi dan teknologi secara meluas. Produktiviti dan daya inovasi negara perlu ditingkatkan, antaranya melalui amalan perniagaan terbaik dan model/proses perniagaan baru serta pembangunan industri modal teroka yang diterajui oleh sektor swasta. Usaha perlu digembleng untuk meningkatkan aktiviti berintensifkan pengetahuan (k-intensif) seiring dengan inisiatif untuk membangunkan bidang pertumbuhan baru. Sehubungan itu, aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C) hendaklah memberi tumpuan kepada bidang yang telah dikenal pasti.

24. Peralihan kepada k-ekonomi yang lebih pantas perlu disokong dengan ekosistem dan infostruktur yang lengkap. Bagi merencanakan aktiviti k-intensif, kualiti rangkaian infrastruktur negara perlu dipertingkatkan agar setanding dengan perkhidmatan di negara maju. Perkhidmatan jalur lebar perlu dibekalkan sebagai utiliti bagi memastikan ketersediaan, kecapaian dan kemampuannya (*availability, accessibility and affordability*) untuk memenuhi kehendak k-masyarakat. Kecekapan sistem pengurusan dan penguatkuasaan hak harta intelek perlu ditingkatkan dengan mengakses kapasiti dan kepakaran perkhidmatan global secara optimum. Strategi yang efektif perlu dibentuk bagi memperoleh harta intelek dan kepakaran global melalui jaringan pintar antarabangsa yang kukuh dan meluas. Keupayaan institusi kewangan untuk menilai aktiviti dan daya maju firma berasaskan pengetahuan perlu dipertingkatkan, antaranya dengan memperkenalkan sistem perakaunan aset intelek.

Menyediakan Modal Insan yang Kreatif, Inovatif dan Berkemahiran Abad Ke-21

25. Hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju amat bergantung kepada kewujudan modal insan yang mempunyai kompetensi yang tinggi, daya kreativiti dan inovasi yang menepati keperluan pasaran dan ekonomi abad ke-21 berserta sikap positif dan nilai insaniah yang murni. Untuk tujuan ini, pembangunan modal insan yang bersepadu perlu melibatkan pengukuhan keseluruhan peringkat pendidikan merangkumi prasekolah, sekolah rendah dan menengah, tertiar dan pendidikan sepanjang hayat. Tumpuan pembangunan

pendidikan dan latihan perlu dialihkan daripada pembangunan infrastruktur fizikal kepada peningkatan kualiti modal insan. Sistem pendidikan sedia ada perlu dinilai semula bagi memastikan setiap individu diberi peluang yang berkualiti untuk menyerlahkan potensi dan bakat secara maksimum. Pembentukan kurikulum, kaedah penilaian dan persekitaran pembelajaran perlu mengutamakan penghasilan modal insan yang inkuisitif, berkeupayaan berfikir secara kritikal dan mempunyai ciri keusahawanan. Mekanisme dan insentif yang kompetitif perlu diwujudkan bagi memastikan institusi pendidikan, latihan dan penyelidikan diterajui oleh pemimpin berprestasi tinggi, kebertanggungjawaban dan diberi autonomi yang bersesuaian serta juga mampu menarik minat serta mengekalkan pendidik dan penyelidik yang berwibawa dan berkebolehan tinggi.

26. Bagi melengkapkan keperluan tenaga kerja mahir, usaha bersepadu perlu diperkenalkan untuk membuat anjakan paradigma masyarakat terhadap pendidikan teknikal dan vokasional (PTV). Sehubungan itu, aliran PTV perlu disetarakan dengan aliran persekolahan utama sedia ada dan dimantapkan dengan aplikasi teknologi serta kaedah pengajaran dan pembelajaran terkini. Usaha ini perlu disokong dengan memperkenalkan standard dan sistem akreditasi kemahiran bagi meningkatkan prospek kerjaya pekerja mahir.

27. Bagi melonjakkan pencapaian institusi pengajian tinggi awam (IPTA), insentif dan persekitaran persaingan yang kondusif perlu diwujudkan secara berperingkat. Sebagai langkah awal, pengambilan pelajar secara terus wajar dipertimbang bagi universiti penyelidikan. Kepekaan tenaga akademik terhadap perkembangan industri perlu dipertingkatkan sebagai usaha utama memastikan kebolehpasaran graduan. Pembangunan komuniti penyelidik yang berkualiti dan kompetitif disokong oleh infrastruktur dan persekitaran yang kondusif perlu diutamakan bagi menghasilkan R&D&C yang memajukan sempadan ilmu serta menepati kehendak pasaran. Insentif yang menarik dan promosi yang berkesan perlu diperkenalkan untuk menggalakkan penubuhan *endowment* bagi mengukuhkan kapasiti (dana, infrastruktur dan kepakaran) institusi pendidikan dan penyelidikan, pembudayaan ilmu di kalangan firma dan masyarakat serta meningkatkan kerjasama universiti-industri yang mampan. Penyumberan luar perkhidmatan sokongan perlu dipergiat bagi membolehkan institusi pendidikan dan penyelidikan memberi tumpuan sepenuhnya kepada pencapaian aktiviti teras.

28. Di samping modal insan tempatan, dasar yang berkesan perlu digubal untuk membolehkan negara memanfaatkan kepakaran global. Suasana kehidupan dan persekitaran bekerja yang memenuhi keperluan masyarakat serta pasaran tenaga kerja yang mampu menilai bakat dan kemahiran sewajarnya perlu diwujudkan bagi menarik dan mengekalkan tenaga kerja profesional di Malaysia. Semakan semula undang-undang berkaitan pekerjaan dan perhubungan perindustrian perlu dilaksanakan secara berterusan dan perkongsian maklumat pasaran hendaklah dibangunkan bagi mempertingkatkan kecekapan pasaran tenaga kerja khususnya untuk menggalakkan penyertaan wanita dan pekerja tempatan. Dasar penarikan pakar (*brain gain policy*) perlu diperkemas agar dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Mengaplikasi Pendekatan Inklusif bagi Menangani Jurang Pembangunan

29. Pembentukan negara yang harmoni dan sejahtera berasaskan gagasan 1Malaysia yang berlandaskan kepada prinsip penerimaan antara kaum, kekitaan dan keadilan sosial memerlukan pendekatan pertumbuhan dengan pengagihan dikekalkan bagi menjamin kestabilan dan keseimbangan sosioekonomi. Untuk tujuan ini, strategi khusus akan dibentuk bagi menyediakan peluang pendidikan dan latihan yang berkualiti, merapatkan jurang digital serta meningkatkan peluang menjana pendapatan yang lebih tinggi terutamanya dalam kalangan isi rumah berpendapatan 30% terendah. Langkah yang lebih bersepadu akan diambil bagi membangunkan golongan minoriti yang terpinggir terutamanya dalam masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan golongan minoriti di Sabah dan Sarawak.

30. Usaha yang lebih khusus perlu ditumpukan ke atas isi rumah berpendapatan menengah rendah ke bawah. Strategi mewujudkan sekurang-kurangnya seorang ahli profesional atau tenaga mahir dalam sebuah keluarga perlu diperkenal untuk memastikan mereka bebas daripada perangkap kemiskinan. Bagi meningkatkan keupayaan untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi, program latihan yang ditawarkan di kolej komuniti dan Pusat Giat MARA perlu diperkukuh supaya selaras dengan keperluan masyarakat setempat. Pihak swasta pula, sebagai sebahagian tanggungjawab sosial, perlu berperanan lebih proaktif bagi melengkapkan usaha Kerajaan menangani masalah kemiskinan secara menyeluruh.

31. Peluang yang lebih meluas dan signifikan perlu diwujudkan bagi mempertingkatkan guna tenaga Bumiputera untuk memenuhi jawatan di peringkat pengurusan tertinggi, profesional dan berkemahiran tinggi dalam bidang strategik sektor korporat. Program khas bagi menambahkan bilangan profesional Bumiputera yang bertauliah perlu diperkenal untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera bagi kategori pengurusan tertinggi dalam sektor strategik.

32. Bagi memperkukuh penguasaan ekonomi dalam kalangan Bumiputera, langkah yang lebih konkrit perlu diambil dengan memperkasa penyertaan berkesan Bumiputera dalam sektor korporat bagi memajukan pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Strategi yang lebih bersepadu akan diambil bagi memperkukuh instrumen sedia ada serta memperkenalkan instrumen baru yang pro-pertumbuhan, mesra pasaran dan pelabur. Kaedah ini bukan sahaja akan mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi meningkatkan pelaburan tempatan dan asing tetapi juga berupaya meningkatkan penguasaan berkesan secara berkekalan pemilikan Bumiputera dalam sektor korporat terutamanya dalam bidang pertumbuhan baru yang berpotensi dan strategik.

33. Untuk tujuan ini, kaedah yang lebih telus berasaskan pendekatan meritokrasi serta perkongsian tulen akan diinstitusikan bagi membentuk usahawan dan enterpris Bumiputera tulen yang berkelayakan dan berkeupayaan serta berdaya tahan dan berdaya saing di peringkat global. Kewujudan GLC perlu dimanfaatkan untuk mewujudkan usahawan dan enterpris Bumiputera yang berdaya saing dan bertaraf dunia. Mekanisme yang lebih berkesan juga akan dirangka bagi

mewujudkan sistem perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang lebih cekap dan berkesan bagi memastikan inisiatif melahirkan MPPB global yang inovatif dan dinamik dapat dicapai.

34. Program pembangunan secara lebih seimbang bagi menangani jurang sosioekonomi perlu dilaksanakan dengan memanfaatkan potensi wilayah serta penggunaan teknologi terkini. Usaha berterusan akan dilaksanakan bagi memperkukuh pembangunan sosioekonomi kawasan luar bandar termasuk melalui penyediaan infrastruktur dan utiliti serta kemudahan awam bagi meningkatkan kualiti hidup dan akses berkualiti kepada peluang ekonomi. Tumpuan khusus akan diberi untuk membangunkan program keusahawanan dan perindustrian yang berdaya maju dan mampan dengan meningkatkan integrasi (pengurangan jarak dan segmentasi) kawasan terpinggir dengan kawasan yang tinggi kepadatan ekonomi berdasarkan konsep 3D (*density, distance and division*), terutama di Sabah dan Sarawak.

Mempertingkatkan Kualiti Hidup Setaraf dengan Negara Maju

35. Sejalan dengan pembangunan ekonomi negara, tahap kualiti hidup rakyat perlu dipertingkatkan setanding dengan keperluan sebuah negara maju. Persekitaran kehidupan dan bekerja yang kondusif perlu diwujudkan bagi menjadikan Malaysia sebagai pilihan ideal untuk didiami dan bekerja.

36. Sejalan dengan pemilihan keselamatan awam sebagai bidang keberhasilan utama nasional (NKRA) usaha hendaklah dipertingkatkan dengan memperketat penguatkuasaan undang-undang dan penggunaan teknologi baru untuk mengurangkan jenayah. Pembangunan infrastruktur akan ditumpukan kepada usaha mempertingkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam yang bersepadu agar mod ini menjadi pilihan utama rakyat. Jaringan sistem pengangkutan awam perlu disesuaikan dengan kawasan petempatan, pusat kegiatan ekonomi dan prasarana awam. Di samping itu, selaras dengan usaha menyediakan utiliti asas yang berkualiti, Kerajaan akan terus melaksanakan program peningkatan kapasiti pengeluaran, liputan bekalan dan kualiti perkhidmatan bekalan air serta mengurangkan kadar kehilangan air tidak terhasil (*non-revenue water*).

37. Untuk kualiti hidup rakyat yang sejahtera, akses kepada keperluan asas berkualiti yang mampu milik perlu diperluaskan. Selaras dengan itu, tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup perlu dipertingkatkan melalui penjagaan kesihatan serta gaya hidup yang aktif dan sihat. Di samping itu, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, termasuk penggunaan sumber semula jadi seperti air, tanah dan hutan secara mampan harus dijadikan teras dalam semua aktiviti sosial serta ekonomi bagi kesejahteraan dan pembangunan mampan. Langkah akan diperhebat bagi memastikan kekayaan kepelbagaian budaya dan warisan negara akan terus dikekalkan. Bagi memupuk masyarakat sivil, pembudayaan semangat sukarelawan, penyayang dan kejiwaan serta menghargai harta dan hak awam hendaklah dipergiat. Keperluan kemudahan awam bagi orang kurang upaya juga hendaklah diberi perhatian.

Meningkatkan Peranan Kerajaan sebagai Pemudah Cara yang Efektif dan Berintegriti

38. Peranan Kerajaan dalam proses pembangunan negara perlu dinilai semula dan disesuaikan dengan keperluan ekonomi semasa. Sebagai pemudah cara, penglibatan Kerajaan secara langsung akan bersandarkan kepada keperluan untuk menangani masalah kegagalan pasaran. Sehubungan ini, sempadan yang jelas perlu dikenal pasti bagi mengelakkan konflik pertindihan fungsi antara peranan Kerajaan sebagai pengawal selia, pemilik dan pengendali perniagaan. Persekitaran yang lebih mesra perniagaan akan diwujudkan dengan memberikan lebih peluang kepada sektor swasta untuk membuat keputusan berasaskan pertimbangan tulen perniagaan (*pure business decisions*) dengan syarat dan peraturan yang minimum.


39. Penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, bertepatan masa dan kos efektif adalah penting untuk meningkatkan daya saing negara. Sehubungan ini, sektor awam perlu mempergiat usaha untuk menyediakan perkhidmatan berinovatif berteraskan integriti. Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program dan projek berasaskan *outcome* secara bersepadu yang merentasi pelbagai agensi perlu dijadikan pendekatan utama. Sistem yang menggalakkan perkongsian maklumat antara agensi perlu dibangunkan. Penekanan juga hendaklah diberikan kepada pembangunan sumber manusia di sektor awam bagi meningkatkan pengetahuan tenaga kerja, kompetensi dan akauntabiliti. Skim perjawatan yang kompetitif dan prospek kerjaya yang menarik serta mekanisme yang berkesan perlu dibentuk bagi memastikan penjawat awam terus cemerlang dan bertanggungjawab.

40. Kerajaan akan terus membudayakan tadbir urus yang baik dan mempertingkatkan kecekapan serta prestasi sistem penyampaian sektor awam. Bagi mengukuhkan integriti, pembentukan keperibadian penjawat awam akan dipertingkatkan dan kelancaran penyampaian perkhidmatan melalui aplikasi teknologi maklumat akan diperluaskan untuk menyokong perkhidmatan tanpa bersemuka (*zero face-to-face interaction*) bagi perkhidmatan yang bersesuaian. Penurunan kuasa bagi memperkasa agensi barisan hadapan perlu digalakkan secara lebih menyeluruh.

Perancangan Pembangunan Berasaskan *Outcome*

41. Perancangan dan pelaksanaan RMKe-10 akan diasaskan kepada pendekatan berasaskan *outcome* sebagai kesinambungan usaha untuk merealisasikan Wawasan 2020 bersandarkan teras utama Misi Nasional dan konsep “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Untuk tujuan ini, satu rangka kerja bersepadu dibentuk untuk menghubungkan dasar dan pelaksanaan program RMKe-10 dengan **bidang keberhasilan utama RMKe-10 (KRA RMKe-10)** dan **outcome**, seperti di ***Rajah 2***.

Rajah 2 : Rangka Kerja Bersepadu



42. Bagi memastikan perancangan dan pelaksanaan program pembangunan yang berkesan, setiap teras Misi Nasional diperincikan dengan KRA RMKe-10 sebagai bidang fokus yang akan diberi keutamaan. Setiap KRA RMKe-10 disertai dengan *outcome* dan langkah strategik yang khusus, seperti di *Lampiran 1*. Pencapaian setiap KRA RMKe-10 perlu disokong oleh KRA RMKe-10 peringkat kementerian. KRA peringkat kementerian perlu memperincikan *outcome* dan KPI peringkat kementerian yang perlu dicapai.

Hubung Kait KRA Nasional dengan KRA RMKe-10

43. Ke arah merealisasikan Wawasan 2020, RMKe-10 menggariskan 24 KRA berasaskan 5 teras Misi Nasional dan mengutamakan NKRA. Sejumlah 6 NKRA telah dikenal pasti, iaitu mengurangkan kadar jenayah, memerangi rasuah, memperluas akses kepada pendidikan berkualiti, menambah pendapatan rakyat berpendapatan rendah, memperkasa infrastruktur luar bandar, dan menambah baik sistem pengangkutan awam, khususnya di kawasan bandar. Manakala KRA RMKe-10 pula mengandungi hala tuju strategik pembangunan sosioekonomi yang merupakan pakej transformasi ke arah pencapaian status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020. Walaupun NKRA lebih bersifat jangka pendek dan satu daripadanya (pengangkutan awam) bersifat jangka sederhana sementara KRA RMKe-10 lebih bersifat jangka sederhana dan panjang, namun kedua-dua KRA tersebut adalah saling menyokong bagi mencapai matlamat Wawasan 2020, seperti di *Lampiran 2*.

Proses Penyediaan KRA, *Outcome* dan Strategi di Peringkat Kementerian

44. Proses untuk menyediakan KRA, *outcome* dan strategi di peringkat kementerian adalah seperti berikut:

- (i) kementerian Persekutuan hendaklah berunding dengan jabatan/ agensi/ badan berkanun di bawah seliaan masing-masing untuk menyediakan KRA RMKe-10 peringkat kementerian. Selain itu, pihak kementerian perlu mendapatkan pandangan daripada pihak berkepentingan, terutamanya kerajaan negeri/pejabat pembangunan Persekutuan negeri, sektor swasta dan badan bukan Kerajaan (NGO);
- (ii) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) akan mengadakan mesyuarat kumpulan misi kluster/*mission cluster group* bagi mendapatkan input untuk penyediaan program pembangunan peringkat nasional dan dokumen RMKe-10; dan
- (iii) setiap kementerian hendaklah menyedia dan mengemukakan KRA RMKe-10 dan *outcome* kementerian kepada Urus Setia RMKe-10, mengikut format seperti di **Lampiran 3** dalam bentuk *softcopy*.

Tarikh untuk Mengemukakan Cadangan KRA, *Outcome* dan Strategi Kementerian

45. Tarikh untuk kementerian mengemukakan cadangan KRA, *outcome* dan strategi serta maklumat tambahan lain kepada UPE, JPM adalah **sebelum 30 November 2009**.

46. Untuk makluman, Garis Panduan Kedua Penyediaan Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015: Cadangan Program dan Projek akan diedar pada minggu terakhir Oktober 2009 untuk membantu kementerian menyediakan cadangan program dan projek.

Pegawai Perhubungan

47. Setiap kementerian, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jabatan Pembangunan Persekutuan hendaklah melantik seorang pegawai kanan yang akan bertanggungjawab untuk berhubung dengan UPE, JPM bagi menyelaraskan kerja penyediaan RMKe-10. Nama pegawai tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Urus Setia RMKe-10 dalam tempoh dua minggu dari tarikh Garis Panduan ini.

Pertanyaan, Surat-menyurat dan E-mel

48. Sebarang pertanyaan, surat-menyurat dan e-mel mengenai Garis Panduan ini serta penghantaran KRA RMKe-10 peringkat kementerian hendaklah dikemukakan kepada:

Urus Setia
Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Blok B5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

(U.P.: En. Nik Azman Nik Abdul Majid
Pengarah Seksyen Ekonomi Makro)

Tel: 03 8888 2799/ 8888 2800 / 8888 2813

Faks: 03 8888 3798

e-mel: rmk10@epu.gov.my atau nikazman@epu.gov.my

49. Semua kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun Persekutuan/ IPTA dan kerajaan negeri adalah diminta memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan penyediaan RMKe-10, iaitu pelan indikatif hala tuju pembangunan negara dalam tempoh 2011-2015 dalam meneruskan agenda untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020 tercapai.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI MOHD SIDEK HASSAN)

Ketua Setiausaha Negara
selaku Pengerusi Jawatankuasa
Perancang Pembangunan Negara

JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA

7 September 2009

17 Ramadhan 1430H